

Program Jalinan Kebitaraan Bahasa Malaysia



Kuantan, 25 April – Seramai 14 orang fasilitator yang terdiri daripada ahli kelab dan alumni Pembimbing Rakan Siswa (PeRSis) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Program Jalinan Kebitaraan Bahasa Malaysia bersama UMP melibatkan penyertaan dalam kalangan 37 orang pengawas sekolah pelajar tahun enam yang bakal menduduki perperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Program yang mendapat kerjasama daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) ini bertujuan memantapkan lagi penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah dan memberi fokus kepada rangsangan minda pelajar.

Bagi pengarah program, Hasanudin Ahmad berkata, kesemua aktiviti dan modul yang digunakan sebagai pengisian slot dalam program ini amat sesuai dengan objektif program dan setiap aktiviti disusun secara berperingkat mengikut kemampuan pelajar.



"Terdapat dua slot yang memerlukan pergerakkan setiap pelajar iaitu Kuiz Bahasa dan Jejak Bahasa. Selain itu, aktiviti yang menarik dan mencabar minda dan kesabaran setiap peserta ialah Kapal Karam dan Teka Kata. Tahap kecerdasan para peserta dapat dilihat semasa menjalankan aktiviti kerana setiap kumpulan mampu menyiapkan tugas dalam masa yang diberikan," katanya.

Majlis penutup program dirasmikan oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan (LKTP) Selancar 2, Tuan Mohamad Ariffin Sahran yang turut dihadiri Penyelaras Bahasa Melayu UMP, Siti Muslihah Isnain bersama orang guru sekolah ini.

Dalam ucapannya Tuan Mohamad Ariffin berpuas hati dengan kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pihak UMP dan mengharapkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memberi suntikan semangat dan motivasi pelajar untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan yang bakal diduduki pada penghujung tahun ini.



Berita dan gambar disediakan oleh Hasanudin Ahmad dari Pembimbing Rakan Siswa (PeRSis) UMP.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 30-04-2015, 11:54:43